

# ICRC DI SABAH



November 2019  
Sabah, Malaysia © ICRC

Latihan pertolongan cemas 'harmonisasi' kepada komuniti di kawasan pedalaman yang dianjurkan oleh ICRC dan PBSMM.

Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC) adalah sebuah organisasi yang bebas dan berkecuali.

Sejak 2013, ICRC telah bekerjasama dengan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) di Sabah untuk menyediakan latihan pertolongan cemas 'harmonisasi' bersama komuniti serta mempromosikan undang-

undang kemanusiaan dan prinsip-prinsip kemanusiaan.

ICRC menyelaras dan bekerjasama dengan daerah PBSMM di seluruh Sabah serta pihak berkuasa kesihatan negeri, Majlis Keselamatan Negara, ahli akademik, masyarakat madani, jabatan penjara dan pasukan keselamatan.

## KEM KESIHATAN DAN PERTOLONGAN CEMAS UNTUK KOMUNITI KAWASAN PEDALAMAN

ICRC bersama sukarelawan PBSMM telah menganjurkan sesi latihan asas pertolongan cemas "harmonisasi" untuk penduduk kampung di kawasan pedalaman dengan membuat adaptasi berdasarkan keperluan dan ketersediaan sumber bahan. Tujuan sesi tersebut adalah untuk mengajar asas-asas pertolongan cemas kepada penduduk kampung yang mempunyai akses yang terhad kepada penjagaan kesihatan. Kemahiran tersebut membolehkan mereka memberi pertolongan cemas yang diperlukan sementara menunggu bantuan kesihatan tiba.

ICRC dan PBSMM juga menyokong aktiviti Kem Kesihatan yang dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD). Kem kesihatan membantu komuniti di kawasan pedalaman agar mereka mendapat penjagaan kesihatan primer termasuk pemeriksaan untuk penyakit berjangkit dan tidak berjangkit, perkhidmatan rawatan dan peningkatan perlindungan vaksinasi.



April 2019  
Sabah, Malaysia © ICRC

Sukarelawan PBSMM menerangkan bagaimana untuk mengangkut seorang mangsa dengan menggunakan pengusung yang dibuat daripada sumber bahan yang tersedia sekeliling semasa latihan pertolongan cemas 'harmonisasi' dengan komuniti di kawasan pedalaman.



Sukarelawan PBSMM memberikan sesi promosi tentang kesedaran kesihatan dan kebersihan kepada pelajar-pelajar di Pusat Pembelajaran Alternatif.

## PROMOSI KESIHATAN DAN KEBERSIHAN DI PENEMPATAN

Penempatan menghadapi wabak penyakit akibat penyebaran penyakit berjangkit dan pengurusan sisa yang tidak mencukupi mungkin memberi kesan kepada kesihatan penduduk.

Untuk mencegah masalah ini, ICRC, PBSMM dan Jabatan Kesihatan Negeri di Sabah, bersama-sama

dengan pihak terlibat yang lain, sedang berusaha untuk membangunkan satu pendekatan berasaskan komuniti di mana sukarelawan daripada penduduk penempatan berusaha untuk mengenal pasti masalah kesihatan yang berbeza agar dapat memberi respon kepada pihak PKD dengan segera jika berlakunya sebarang wabak.

## PROMOSI KESIHATAN DAN KEBERSIHAN UNTUK KANAK-KANAK SEKOLAH

ICRC dan PBSMM terus memberikan sesi kesedaran kesihatan dan kebersihan kepada kanak-kanak dan guru sekolah rendah di kawasan terpencil di seluruh Sabah. Matlamat sesi ini adalah untuk mencegah penyakit berjangkit melalui pemahaman tentang kebersihan dalam kehidupan seharian.

## MELAWAT TAHANAN

Bekerjasama dengan pihak berkuasa dalam usaha mereka menangani keperluan, rawatan dan keadaan tempat tahanan bagi semua tahanan, ICRC melawat mereka yang dilucutkan kebebasan di penjara dan pusat tahanan imigresen di seluruh Malaysia termasuk Sabah. Lawatan-lawatan ini hanya tertumpu kepada keadaan tempat tahanan dan layanan kepada para tahanan termasuk dari segi teknikal seperti kesihatan, air dan persekitaran. Laporan dan cadangan dibincangkan secara bilateral dan sulit dengan pihak berkuasa penjara negeri dan Majlis Keselamatan Negara.



Pelajar berlatih teknik mencuci tangan ketika sesi kesihatan dan kebersihan yang dianjurkan oleh sukarelawan PBSMM dengan sokongan ICRC.



## MEMPROMOSIKAN UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA (UUKA) DENGAN ANGKATAN TENTERA DAN PASUKAN KESALAMATAN

Di Sabah, ICRC bekerjasama dengan pelbagai agensi termasuk Majlis Keselamatan Negara, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) untuk menyebarkan dan meningkatkan pemahaman mengenai peruntukan-peruntukan penting dalam UUKA serta amalan dan norma-norma kemanusiaan yang lain.

Dengan kerjasama dari pihak berkuasa, ICRC mengendalikan beberapa bengkel dan mempertingkatkan dialog bersama komandan dan anggota ATM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Pegawai Kanan PDRM, Ketua Polis Daerah dan pegawai ESSCOM.



Seorang pegawai kanan dari ESSCOM berkongsi pengalamannya semasa bengkel mengenai piawai kepimpinan antarabangsa yang dihadiri oleh pelbagai agensi termasuk tentera, tentera laut, polis dan polis marin.

## BEKERJASAMA DENGAN AKADEmia

ICRC menggalakkan pengajaran UUKA dan prinsip-prinsip kemanusiaan, mempromosikan pengajaran UUKA di universiti terkemuka dengan tujuan untuk mendekati para pembuat keputusan dan pemimpin masa depan.

ICRC bekerjasama dengan universiti di Sabah untuk menyebarkan pengetahuan mengenai UUKA dan prinsip-prinsip kemanusiaan. Pensyarah dan pelajar universiti dijemput untuk mengambil bahagian dalam pelbagai acara tempatan dan serantau.



September 2019  
Sabah, Malaysia © ICRC

ICRC berbincang dengan sukarelawan PBSMM berkaitan dengan cara-cara respon bagi seseorang ahli pertolongan cemas.

## BEKERJASAMA DENGAN PBSMM

PBSMM mula bertapak di Sabah sejak 1948 lagi apabila Palang Merah British membuka Cawangan Borneo Utara di negeri ini. Kini, PBSMM wujud di setiap pelusuk negeri. Ia mengambil bahagian dalam aktiviti kebajikan dan aktiviti respon bencana, dengan memberikan bantuan asas kepada komuniti yang rentan.

Bekerjasama dengan pihak berkuasa, para sukarelawan daripada 22 daerah dan satu cabang PBSMM telah memberikan pertolongan cemas, perkhidmatan masak berkelompok, penginapan sementara, selimut dan pakaian ketika banjir dan kebakaran.

PBSMM Sabah juga menjalankan program komuniti dan kesihatan yang merangkumi pertolongan cemas, perkhidmatan ambulans, kempen derma darah dan pembangunan belia.

ICRC membantu dalam peningkatan kapasiti PBSMM dalam menjalankan sesi pertolongan cemas 'harmonisasi' serta promosi kesihatan dan kebersihan. Ini termasuk perancangan, pelaksanaan dan penilaian aktiviti yang dilaksanakan.



ICRC

Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC)  
Unit 50-11-1, Level 11, Wisma UOA Damansara,  
No. 50, Jalan Dungun, Damansara Heights,  
50490 Kuala Lumpur, Malaysia  
T: +603 2084 1800 F: +603 2084 1999  
E [kualalumpur@icrc.org](mailto:kualalumpur@icrc.org) W [www.icrc.org](http://www.icrc.org)  
© ICRC, April 2020

 [twitter.com/icrc\\_my](https://twitter.com/icrc_my)

ICRC Kota Kinabalu  
c/o Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, Negeri Sabah  
Lot No.2, Jalan Matahari 2  
Kompleks Badan-badan Sukarela  
KM4, Jalan Tuaran  
88802 Kota Kinabalu, Sabah  
Tel/Faks: +6088 254463